

# Kajian bersama isu keselamatan perairan Sabah

BH 31.12.13 14

**Kota Kinabalu:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSON) merintis kerjasama bagi menjalankan penyelidikan berkaitan isu keselamatan di perairan Sabah, khususnya di pantai timur.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Mohd Harun Abdullah, berkata UMS dan IPSON berharap kerjasama strategik itu dapat menyumbang kepada usaha meningkatkan tahap keselamatan perairan Sabah yang luas.

## Kajian sosial dilaksana

Sebagai permulaan, katanya, satu kajian sosial dilaksanakan kedua-dua pihak dengan perbincangan dilakukan bagi menghalusi borang kajian sebelum diedar di lokasi tumpuan.

"Kerjasama ini adalah perkembangan positif kepada negara kerana ia membabitkan aspek kajian akademik bersama agensi penguat kuasa.

"UMS sentiasa memberi kerjasama kepada IPSON dan mana-mana agensi yang terbabit dalam kajian itu," katanya selepas Mesyuarat Kerjasama Akademik bersama IPSON di sini, semalam.

Prof Mohd Harun berkata, kajian akan dilaksanakan antara tiga hingga enam bulan dan bertepatan dengan wujudnya Kawasan Keselamatan Khas Timur Sabah (ESSCOM).